

**MCA rangka pelan tindakan menyeluruh untuk komuniti Cina**  
**Malaysian Insider**  
**Feb 25, 2014**  
**OLEH The Malaysia Insider**

MCA akan menghasilkan pelan tindakan lebih menyeluruh bagi pembangunan komuniti Cina sejajar dengan keputusan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) MCA pada Ahad untuk menerima jawatan kerajaan di semua peringkat, yang membuka laluan parti itu kembali ke Kabinet.

Presidennya, Datuk Seri Liow Tiong Lai (gambar), berkata masyarakat Cina ketika ini ingin melihat bagaimana MCA dapat mentransformasi serta membantu mereka dan negara.

"Kita komited dan kita lebih bersatu sekarang untuk menolong komuniti Cina hasil daripada keputusan EGM semalam," katanya kepada pemberita selepas menghadiri makan malam Wanita MCA Melaka di Melaka.

Beliau berkata, pimpinan baharu MCA lebih dinamik dan bertenaga bagi mencapai misi parti itu.

Mengulas jawatan dalam kerajaan, Liow berkata, pihaknya akan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan kepimpinan di peringkat negeri untuk membincangkan jawatan serta masa yang sesuai bagi wakil MCA berkhidmat kepada rakyat.

Katanya, apa yang penting ketika ini ialah kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya kecil bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Kajang pada 23 Mac depan.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mca-rangka-pelan-tindakan-menyeluruh-untuk-komuniti-cina>